

KENYATAAN MEDIA

SEREMBAN, 30 APRIL 2021 – Cenviro Sdn. Bhd. (“Cenviro”), anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad ingin memaklumkan berkaitan dengan penganjuran piket oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pengurusan Sisa Semenanjung Malaysia (“Kesatuan”) mengenai ketidakpuasan Kesatuan terhadap proses penilaian prestasi kakitangan bagi tahun 2020 oleh pihak Cenviro. Piket tersebut telah diadakan di hadapan pintu masuk utama Pusat Kualiti Alam pada lewat petang tadi.

Menurut Encik Wan Azrizul Azad Zainal Abidin, Pengurus Besar Perkhidmatan Perniagaan Cenviro, pihak syarikat telah menerima surat dari Kesatuan pada 19 dan 20 April 2021 mengenai isu tersebut dan telah mengadakan sesi pertemuan dan perbincangan dengan pihak Kesatuan pada 16 dan 30 April 2021 bagi menyelesaikan perkara ini secara baik dan harmoni.

Untuk makluman, segala ketidakpuasan yang dibangkitkan daripada pihak Kesatuan terhadap Cenviro adalah tidak wajar kerana tuntutan Kesatuan untuk memohon pembayaran bonus kepada 4 orang kakitangan yang mempunyai kes disiplin dan prestasi kerja yang lemah, serta meminta penangguhan pemberian bonus kepada semua kakitangan tidak dapat diterima kerana ianya tidak adil untuk kesemua kakitangan Cenviro yang seramai 482. Seramai 128 kakitangan Cenviro adalah ahli Kesatuan yang mana 97% (124 orang) daripada mereka telah menerima bonus antara satu hingga lebih dari tiga bulan gaji. Oleh itu adalah tidak wajar untuk pihak Kesatuan membuat tuntutan tersebut.

Syarikat ingin menekankan bahawa kami sentiasa kekal profesional dalam berurusan dengan pihak Kesatuan dan memberi jaminan kepada orang awam bahawa Syarikat akan terus memastikan tiada sebarang gangguan perkhidmatan di Pusat Kualiti Alam. Sebarang maklumat lanjut atau perkembangan terkini berkaitan dengan perkara ini akan dimaklumkan melalui laman web Syarikat (www.cenviro.com).

TAMAT